

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 4 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 3**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1541-L13187  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah dan perancangan tebatan banjir untuk mengurangkan keadaan banjir buruk yang semakin menjadi-jadi dan teruk sehingga menenggelamkan banyak rumah seperti di Sungai Trusan, Sungai Kemena dan Sungai Miri di Sarawak yang muaranya semakin cetek.
2. PN-1541-L13402  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memberi jaminan bahawa lesen penjaja bazar Ramadhan di sekitar Wilayah Persekutuan tidak lagi dimanipulasi oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab seperti sebelum ini.
3. PN-1541-L13167  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status semasa kemiskinan relatif dan tegar di Sabah serta agenda pembasmiannya menerusi RMK-12.
4. PN-1541-L13391  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf jalan balak di Sarawak yang sering rosak dan tidak selamat untuk kegunaan awam. Berapakah peratus kemajuan kerja-kerja naik taraf yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

5. PN-1541-L13228  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan Kementerian untuk menambah tarikan pelancongan baharu dalam negara bagi memastikan sasaran pendapatan sebanyak RM147.1 bilion menerusi industri pelancongan negara dapat dicapai.
  
6. PN-1541-L13510  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha Kementerian membantu pekebun kecil yang beralih kepada kelapa sawit dan adakah Kementerian berhasrat meningkatkan kadar bantuan kepada pekebun kecil yang mengusahakan tanaman integrasi seiring tanaman kelapa sawit di kebun mereka.
  
7. PN-1541-L13658  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) faktor peningkatan penyenaiaan syarikat di Bursa Malaysia memandangkan pada tahun 2024 sebanyak 55 syarikat yang tersenarai; dan
  
  - (b) berapakah sasaran penyenaiaan syarikat di Bursa Malaysia pada tahun 2025.
  
8. PN-1541-L13606  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah persediaan Kementerian untuk memastikan had baru umur belia iaitu 30 tahun tidak akan menjejaskan pertubuhan belia memandangkan usia tersebut masih ramai belia dalam fasa kelangsungan kewangan diri dan keluarga.
  
9. PN-1541-L13320  
**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah peruntukan yang akan diberikan bagi tujuan membangunkan jelapang padi di Sabah memandangkan kekurangan infrastruktur pengairan menjadi punca utama hasil padi yang rendah di negeri ini.

10. PN-1541-L13739  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah sedia ada yang dilaksanakan untuk menangani gaji yang agak rendah profesional kolar putih di Malaysia berbanding dengan rakan sejawat mereka di luar negara, terutamanya mereka yang berumur 30 tahun ke atas.
11. PN-1541-L13252  
**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini usaha oleh Kementerian dalam menjadikan Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu sebagai Pusat Jantung Negara termasuklah memberi peruntukan RM80 juta untuk tiga pakar tambahan dan 120 tenaga sokongan seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024.
12. PN-1541-L13819  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menggubal Rang Undang-undang bagi menetapkan had umur pemilikan akaun media sosial.
13. PN-1541-L13473  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peranan yang dimainkan oleh Syarikat Boustead Holdings dalam agenda membantu warga tentera dan bekas tentera bagi aspek manfaat sosio-ekonomi.
14. PN-1541-L13207  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bentuk program yang akan dilaksanakan untuk melahirkan gaya hidup yang sihat dalam kalangan rakyat dan berapakah peruntukan program sedemikian untuk bajet tahun 2025.
15. PN-1541-L13244  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap 10,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak hadir pada hari peperiksaan.

16. PN-1541-L13359  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh pesawah padi, termasuk isu harga padi yang dianggap rendah dan tidak berpatutan serta kenaikan kos import dan operasi.
17. PN-1541-L13483  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tentang langkah Kerajaan dalam melindungi rakyat Malaysia yang menggunakan agensi pelancongan haji dan umrah yang tidak diketahui statusnya dan telah menjadi mangsa penipuan yang semakin berleluasa semenjak kebelakangan ini serta apakah Kerajaan telah menyediakan kaedah pemantauan yang lebih ketat dan efektif bagi melindungi jemaah haji dan umrah yang telah berbelanja puluhan ribu wang simpanan agar mereka tidak terus menjadi mangsa penipuan berulang.
18. PN-1541-L13371  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) berapakah nilai pelaburan asing pada setiap suku tahun 2024 dan pada Januari 2025; dan
  - (b) apakah inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing ke negara kita.
19. PN-1541-L13657  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengimbangi kebimbangan gergasi-gergasi teknologi seperti META, berikutan peraturan yang lebih ketat ke atas platform sosial media yang dikhuatiri berpotensi untuk menyekat inovasi.
20. PN-1541-L13351  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap ahli politik prokerajaan yang memainkan isu agama, raja dan kaum (3R) sepanjang tahun 2024.

21. PN-1541-L13873

**Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan jumlah profesor bidang pengajian bahasa, sastera dan budaya yang serius terutamanya di universiti-universiti yang bidang tujuannya berkaitan dengan bidang-bidang tersebut.

22. PN-1541-L13719

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah bilangan mahasiswa Sarawak yang telah mendapat manfaat melalui skim FlySiswa pada tahun 2024.

23. PN-1541-L13720

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) perkembangan terkini Akta Dasar Anti-Ali Baba (Anti-Rent Seeking); dan
- (b) jurang dalam undang-undang yang sedia ada diperlukan untuk mengekang tingkah laku Anti-Ali Baba (anti-rent seeking) sewa yang memuncak dalam perbanyakkan pekerja asing yang mengendalikan perniagaan.

24. PN-1541-L13147

**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan pihak Kementerian dalam mengatasi masalah bekalan insulin bagi pesakit diabetes yang tidak mencukupi di pusat kesihatan awam di seluruh negara.

25. PN-1541-L13693

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan subsidi perumahan khas kepada Orang Asli yang layak untuk membeli rumah di pekan dan bandar yang lebih rendah daripada kuota Bumiputera.

26. PN-1541-L13791

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha diplomasi yang dijalankan oleh Malaysia serta jumlah bantuan yang akan disalurkan untuk menangani krisis kemanusiaan di Palestin dan bagaimana Kerajaan mengatasi cabaran dalam menjelaskan usaha ini kepada masyarakat.

27. PN-1541-L13383  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah perancangan Kerajaan untuk memperkasakan sistem kesihatan negara dengan mempertingkatkan kerjasama antara awam dan swasta melalui reformasi sistem dan pembiayaan kesihatan.
28. PN-1541-L13261  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang antara wilayah bandar dan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak serta wilayah FELDA dan FELCRA dalam pelaksanaan dasar ekonomi yang menyeluruh.
29. PN-1541-L13304  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan penggunaan teknologi pintar seperti sistem pengurusan trafik berasaskan kecerdasan buatan (AI) untuk melancarkan aliran trafik.
30. PN-1541-L13453  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 untuk memperluaskan lagi definisi keganasan rumah tangga agar merangkumi bentuk-bentuk keganasan moden seperti penganiayaan psikologi dan penganiayaan siber (cyber abuse).
31. PN-1541-L13746  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Malaysia menyeimbangkan hubungan diplomatik dengan kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat tanpa menjejaskan kepentingan nasional dan serantau khususnya dalam menangani tekanan geopolitik, ancaman keselamatan, perang perdagangan dan kemungkinan sekatan ekonomi yang boleh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan kestabilan negara.
32. PN-1541-L13586  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai usaha reformasi institusi khususnya pemisahan pejabat Peguam Negara dengan pejabat Pendakwa Raya Negara.

33. PN-1541-L13531

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan projek-projek perumahan yang telah dianugerahkan kepada pemaju, dan adakah Kementerian memantau pemaju agar mereka tidak mendominasi pasaran dengan menetapkan harga perumahan yang tinggi, serta adakah mereka menyahut seruan Perdana Menteri tahun lepas iaitu membina perumahan tinggi untuk golongan B40.

34. PN-1541-L13551

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan faktor peningkatan aktiviti penyeludupan dan pasaran gelap terhadap industri *vape* dan sejauh manakah kebersediaan Kementerian untuk meningkatkan pengawalseliaan yang lebih efektif bagi mengelakkan lebih banyak perdagangan haram *vape* ini dari terus berleluasa.

35. PN-1541-L13677

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah objektif geran Mitra dan pecahan program, keberhasilan dan output bagi program-program pada 2024; dan
- (b) apakah status pembayaran untuk geran Penang Indian Chamber of Commerce yang diumumkan dalam belanjawan 2023 dan bagaimana geran ini membantu Social Upward Mobility kaum India B40.

36. PN-1541-L13884

**Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah wujud rancangan untuk menghidupkan semula Program Bumi Hijau 2.0 dalam rangka untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan rakyat negara ini.

37. PN-1541-L13498

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kecederaan ketika bekerja dan bagaimana Kementerian merancang untuk meningkatkan tahap keselamatan pekerja dalam sektor yang berisiko tinggi seperti sektor pembinaan dan perkilangan.

38. PN-1541-L13232  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan mengapakah individu yang mempunyai rekod kes mahkamah daripada segi penipuan masih dapat beroperasi dan membuka syarikat lain untuk program Umrah di mana kes baru-baru ini kumpulan Exists bersama para jemaah yang lain tidak mempunyai tiket untuk pulang ke Malaysia dan apakah halangan yang dihadapi Kementerian dalam menguatkuasakan undang-undang.
39. PN-1541-L13829  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah implikasi yang diterima oleh Kerajaan Malaysia berikutan penolakan Akta Laut Wilayah 2012 di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 2015.
40. PN-1541-L13700  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif konkrit Kementerian untuk memperluas program sokongan kepada keluarga berisiko, termasuk yang menghadapi masalah kewangan, sosial atau kesihatan mental berikutan 75 kes pembuangan bayi dari Januari hingga September 2024 serta cadangan untuk meningkatkan pusat perlindungan sementara di negeri kritikal.
41. PN-1541-L13110  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Sarawak telah melaksanakan 7 inisiatif langkah-langkah bagi menangani ancaman dadah berbahaya di Sarawak. Apakah status terkini penguatkuasaan dan penubuhan elemen narkotik di semua daerah di Sarawak termasuk Saratok.
42. PN-1541-L13217  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah faktor sistem Waktu Bekerja Berlainan (WBB) yang sebelum ini dirancang bagi mengurangkan tempoh waktu bekerja petugas kesihatan terpaksa dibatalkan dan apakah pelan Kementerian bagi memastikan usaha untuk mengurangkan tempoh bekerja maksimum 33 jam kepada 18 jam sahaja berjaya dilaksanakan.

43. PN-1541-L13335

**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam mempertingkatkan kesedaran para pelajar terhadap kepentingan literasi politik kerana dalam era kemajuan dunia tanpa sempadan, para pelajar di bangku sekolah terdedah dengan isu semasa dan berita politik dalam negara.

44. PN-1541-L13159

**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan berbincang dengan Kerajaan Singapura untuk mengkaji semula Perjanjian Sungai Johor tahun 1962 yang tidak adil kerana membenarkan Singapura menerima 250 juta gelen air dari Johor sehingga tahun 2061 pada kadar 3 sen bagi setiap 1,000 gelen.

45. PN-1541-L13561

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Akta Perolehan Kerajaan dapat dibentangkan di Parlimen bagi membanteras isu ketirisan, rasuah, tipuan bida, kronisme dan penyalahgunaan kuasa terhadap semua perolehan Kerajaan.

46. PN-1541-L13896

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan input terbaharu Kementerian berhubung cadangan pindaan terhadap peningkatan hukuman denda melibatkan kes penderaan kanak-kanak, terutamanya ke atas orang kurang upaya (OKU) kepada RM100,000 dan apakah cadangan pindaan lain yang sedang dipertimbangkan oleh Kementerian melalui sesi libat urus yang diadakan.

47. PN-1541-L13648

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian ke atas Sekolah Kebangsaan Nanga Selangau yang kerap dilanda banjir, iaitu tiga atau empat kali setiap tahun sehingga menyebabkan sekolah tersebut ditutup semasa banjir.

48. PN-1541-L13293  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data spesifik mengenai siasatan SPRM yang dihasilkan daripada pemberi maklumat berbanding maklumat agensi serta ganjaran, jaminan kerahsiaan dan perlindungan kepada pemberi maklumat untuk memastikan kes mereka dapat disiasat tanpa risiko balas dendam atau tekanan.
49. PN-1541-L13865  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini siasatan kes pelawak Harith Iskander dan pengguna Facebook, Cecelia Yap Song yang mempersenda agama Islam berkenaan isu halal dan apakah punca kes 3R ini mengambil masa agak lama sedangkan ia isu penting yang melibatkan sensitiviti umat Islam.
50. PN-1541-L13800  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menurunkan kadar cukai korporat bagi menarik lebih banyak pelaburan asing.
51. PN-1541-L13518  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah Malaysia dapat memimpin ASEAN dalam mengimbangi tekanan kuasa-kuasa besar di rantau ini.
52. PN-1541-L13495  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani masalah sistem pengkomputeran jabatan yang sering tergendala sehingga menyusahkan rakyat yang sering berurusan dengan pihak Kerajaan dengan mengambil contoh laporan sistem MySikap JPJ telah mengalami gangguan selama 3 jam pada bulan Januari dan menyebabkan semua aplikasi perkhidmatan teras dan aplikasi sokongan tergendala.
53. PN-1541-L13664  
**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah perkembangan terkini berkenaan waktu bekerja 45 jam seminggu untuk pekerja syif KKM dan adakah waktu bekerja ini akan diimplementasikan. Jika Ya, bila ia akan berkuat kuasa; dan

- (b) bagaimanakah syif 45 jam seminggu ini akan diimplementasikan di lapangan.
54. PN-1541-L13122  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sebagai Pengerusi ASEAN, apakah pendekatan yang diambil oleh Malaysia untuk memastikan kedaulatan perairan negara-negara ASEAN di Laut China Selatan tidak dicerobohi.
55. PN-1541-L13339  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah bagi mengenakan tindakan yang tegas terhadap pengusaha restoran mahupun kedai makan yang menjual makanan menggunakan sijil halal palsu.
56. PN-1541-L13406  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan komitmen Kerajaan dalam memperkukuh inisiatif pembangunan industri penanaman bawang kecil (rose) dalam kalangan pengusaha tempatan, termasuk sokongan daripada segi teknologi, modal, dan infrastruktur, serta strategi jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bawang dari India.
57. PN-1541-L13644  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan akses perubatan khusus bagi pesakit kanser dan penyakit kronik termasuk mempercepatkan rawatan di hospital Kerajaan.
58. PN-1541-L13139  
**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dasar inisiatif dan program pembangunan untuk OKU dalam usaha Kementerian menggalakkan penyertaan belia dalam program pembangunan belia OKU negara.
59. PN-1541-L13581  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah program penggalakkan, pemasaran, promosi dan acara-acara pelancongan, budaya dan seni yang diperuntukan kepada sektor pelancongan, seni dan budaya Negeri Melaka sebagai persediaan Tahun Melawat Malaysia 2026.

60. PN-1541-L13777  
**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan yang diambil bagi menangani masalah kenaikan harga makanan yang mendadak oleh premis perniagaan makanan.
61. PN-1541-L13628  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) sepanjang tahun 2024 dan jumlah peruntukan yang telah dipulangkan semula kepada Perbendaharaan.
62. PN-1541-L13461  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah pembahagian projek perumahan di kawasan luar bandar dan *urban* dari tahun 2022 hingga kini serta berapakah jumlah unit berserta nilai jualan hartanah kepada golongan Bumiputera yang telah berjaya diselesaikan.
63. PN-1541-L13853  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan semula harga beras putih tempatan dan apakah langkah penguatkuasaan bersepadu yang dilaksanakan bagi menangani kegiatan manipulasi beras tempatan yang dijadikan sebagai beras import pada bungkusan kempit beras.
64. PN-1541-L13127  
**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah pesakit-pesakit khususnya yang menghidap masalah gangguan perkembangan (*Development Disorders*) contohnya autisme perlu menunggu masa yang sangat lama seperti 6 hingga 9 bulan untuk mendapatkan temujanji kes baru bagi sesi terapi dengan Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi dan Pertuturan).

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah  
(3 Mac 2025)**

- |    |  |                               |
|----|--|-------------------------------|
| 2. | *( D.R.62/2024 ) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024                                 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    | <b>[ Menteri Komunikasi ]</b>  |                               |
| 3. | *( D.R.63/2024 ) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024                             | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    | <b>[ Menteri Komunikasi ]</b>  |                               |
| 4. | *( D.R.1/2025 ) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    | <b>[ Menteri Perpaduan Negara ]</b>  |                               |

5. \*( D.R.47/2024 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Komunikasi ]**

6. \*( D.R.3/2025 ) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

7. \*( D.R.5/2025 ) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

8. \*( D.R.4/2025 ) Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

9. \*( D.R.2/2025 ) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

10. \*( D.R.19/2024 ) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat Oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.178	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Bagi Tahun 2022	4 Mac 2025
ST. 182	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2022	4 Mac 2025
<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025
ST. 2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025
ST. 3	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025
ST. 4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025
ST. 5	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 6	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025
ST. 7	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Bagi Tahun 2022	4 Mac 2025
ST. 27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi Bagi Tahun 2021	4 Mac 2025
ST. 28	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025
ST. 29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Basiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2022	4 Mac 2025
ST. 30	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025
ST. 32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2022	4 Mac 2025
ST. 33	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Bagi Tahun 2023	4 Mac 2025